

11 JAN 1997

Iraq-Mahathir

MAHATHIR ULANGI PENDIRIAN M'SIA MENGENAI SEKATAN TERHADAP IRAQ

KUALA LUMPUR, 11 Jan (Bernama) -- Malaysia mengulangi pendiriannya menentang sekatan ekonomi secara berterusan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu terhadap Iraq, kata Speaker Perhimpunan Kebangsaan Iraq Dr Sadoon Hamadi hari ini.

Dalam temubual dengan Bernama di hotel penginapannya di sini, Sadoon berkata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyampaikan pendirian Malaysia itu kepada beliau semasa pertemuan mereka di pejabat Perdana Menteri hari ini.

Sadoon berkata Dr Mahathir memberitahu beliau bahawa Malaysia menentang sekatan itu yang dilaksanakan pada 1991 setelah Iraq menakluki Kuwait pada Ogos 1990.

Menurut beliau, Dr Mahathir juga berkata bahawa Malaysia menentang penguatkuasaan "zon pengharaman penerbangan" bagi pesawat Iraq di beberapa bahagian negara itu oleh Amerika Syarikat dan Britain.

Sadoon, yang tiba semalam untuk lawatan enam hari ke Malaysia, mengadakan perbincangan selama 30 minit dengan Dr Mahathir.

"Dr Mahathir turut memberikan jaminan bahawa Malaysia akan berusaha bersungguh-sungguh untuk mengambil bahagian dalam program pembangunan industri minyak di Iraq," kata Sadoon.

Sadoon berkata beliau turut memberikan taklimat kepada Dr Mahathir mengenai keadaan semasa di Iraq, kesan sekatan itu terhadap ekonomi dan rakyatnya serta usaha bagi menamatkan sekatan itu.

Menurutnya PBB tidak mempunyai alasan kukuh untuk meneruskan sekatan ekonomi terhadap Iraq kerana negara itu telah memenuhi semua syarat yang ditetapkan oleh Resolusi 687 (syarat-syarat untuk menamatkan sekatan itu) termasuk membenarkan penyiasat antarabangsa memeriksa kemudahan ketenteraan Iraq.

"Masanya telah tiba untuk Amerika dan PBB menarik balik sekatan itu," kata beliau.

Sadoon berkata bahawa majoriti masyarakat antarabangsa bersetuju bahawa PBB bertanggungjawab untuk menamatkan sekatan itu selepas Iraq memenuhi semua syarat yang ditetapkan.

Beliau berkata program "minyak untuk makanan" ekoran sedikit kelonggaran dalam sekatan itu, masih belum dilaksanakan sepenuhnya kerana Iraq memerlukan masa untuk menerima wang hasil daripada jualan minyak bagi membeli barangan makanan.

Pada 1989, tiada sebarang kes taun dilaporkan tetapi sebanyak 1,216 kes penyakit itu telah dilaporkan pada 1995 manakala kes penyakit demam kepialu meningkat daripada 1,812 pada 1989 kepada 26,634 pada 1995.

Ketika ditanya mengenai bagaimana Iraq berjaya mengharungi kesengsaraan akibat sekatan ekonomi itu, beliau berkata: "Kuasa fizikal tidak mampu memusnahkan semangat dan kesungguhan rakyat Iraq."

Beliau berkata bahawa kekuatan semangat, keazaman dan sokongan padu rakyat Iraq di belakang pemimpin mereka di samping keberkesanan program catuan makanan kerajaan adalah faktor di sebalik kejayaan mereka menempuhi keadaan itu.

Sadoon yakin setiap negara termasuk negara-negara kecil, boleh membantu mempengaruhi kuasa-kuasa besar untuk menamatkan sekatan itu dengan menyuarakan bantahan dalam isu itu dan mengenakan tekanan terhadap kuasa-kuasa besar terbabit di pelbagai forum antarabangsa.

-- BERNAMA

JM MZ MAI

